

Bil: (46)dlm.JK/MA 16

Tarikh: 31 Mac, 1988.

Kepada:

Semua Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
Malaya/Borneo.

Pekeliling Pendaftar (A) No: 4 Tahun 1988
Penyata-Penyata Kes Mahkamah

Adalah saya merujuk kepada Pekeliling Pendaftar (A) No. 3 Tahun 1988 bertarikh 3hb. Februari, 1988 dan Pindaan kepada Pekeliling tersebut bertarikh 22hb. Februari, 1988 dan memaklumkan bahawa borang-borang yang telah dihantar bersama dengan Pekeliling tersebut telah didapati beberapa kesilapan.

... 2. Bersama-sama ini disertakan borang-borang baru yang patut digunakan untuk melaporkan kes-kes berkenaan.

3. JENIS-JENIS BORANG

(a) Mahkamah Tinggi

- Borang MT-1 - Penyata Bulanan kes-kes sivil.
- MT-2 - Jumlah kes-kes sivil yang belum selesai mengikut Tahun-Tahun Pendaftaran.
- MT-3 - Penyata Bulanan kes-kes sivil (Ex-parte) dihadapan Penolong Kanan Pendaftaran.
- MT-4 - Penyata Bulanan kes-kes sivil (Inter-parte) dihadapan Penolong Kanan Pendaftaran.
- MT-5 - Penyata Bulanan kes-kes jenayah.
- MT-6 - Jumlah kes-kes jenayah yang belum selesai mengikut Tahun-Tahun Pendaftaran.
- MT-7 - Penyata Bulanan kes-kes jenayah yang melibatkan kepentingan awam.
- MT-8 - Jumlah kes-kes jenayah kepentingan awam yang belum selesai mengikut Tahun-Tahun Pendaftaran.

4. PENGEMUKAAN BORANG-BORANG

- (a)(i) Borang MT-1, 3, 4, 5 dan 7 hendaklah dihantar kepada Ketua Pendaftar pada tiap-tiap bulan.
 - (ii) Borang MT-2, 6 dan 8 hendaklah dihantar kepada Ketua Pendaftar pada tiap-tiap tahun sahaja.
 - (b)(i) Semua borang-borang bulanan hendaklah dihantar pada atau sebelum 7hb. bulan berikutnya.
 - (ii) Semua borang-borang tahunan hendaklah dihantar pada awal tiap-tiap tahun berikutnya.
5. Sila ambil perhatian bahawa kecuali Pekeliling Pendaftar (U) No.8 Tahun 1981 dan (U) No.2 Tahun 1985 mengenai Kelambatan Menulis Alasan-Alasan Hukuman, lain-lain penyata kes yang tidak disebutkan dalam Pekeliling ini tidaklah perlu lagi dan adalah dibatalkan.
6. Kesilapan di dalam perkara ini adalah dikesali.

(Haidar Bin Mohd. Noor)
Ketua Pendaftar.

s.k. Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur.
Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuching.
Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu.
Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur.